

Terma dan syarat
Kempen Pemindahan "Wealth" Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 sehingga 31 Mac 2023

PERINGATAN: Ahli yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang boleh didapati melalui www.ambank.com.my. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang ternyata di sini, Pelanggan yang Layak adalah dinasihati untuk membincang dengan mana-mana wakil Bank yang sah.

1 Definisi

Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya;

- a. "**Bank**" adalah merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.
- b. "**Hari**" bermaksud Isnin hingga Jumaat, dan apabila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.
- c. "**Notis Terdahulu**" bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.
- d. "**Kempen**" adalah merujuk kepada "Kempen Pemindahan "Wealth" untuk Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE" (AmSPB) yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.
- e. "**Nilai Pemindahan Baru Bersih**" bermaksud jumlah Aset Di Bawah Pengurusan (ABP) yang dipindahkan dalam Tempoh Kempen ditolak dengan jumlah ABP yang dipindah keluar (dari Bank ke bank lain)
- f. "**Cooling-Off**" bermaksud enam (6) hari bekerja bermula dari tarikh tempahan aplikasi pelaburan oleh Bank untuk Dana Unit Amanah Terpilih / Dana Unit Amanah Patuh Syariah.
- g. Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neuter.

2 Tempoh Kempen

Kempen akan **bermula pada 1 Oktober 2022 dan berakhir pada 31 Mac 2023**, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**") atau apabila ganjaran tunai ini telah dituntut sepenuhnya, yang mana terlebih dahulu atau tempoh yang ditentukan oleh Bank dengan Notis Terdahulu.

3 Kelayakan

3.1 Kempen ini adalah terbuka kepada semua ahli sedia ada/baru AmSPB yang memenuhi syarat yang berikut ("**Pelanggan yang Layak**");

- a. Individu yang berumur 18 tahun ke atas;
- b. telah mengekalkan semua akaun mereka dengan Bank dalam keadaan baik, tanpa melanggar terma dan syarat atau perjanjian;
- c. telah mengekalkan Akaun Simpanan/Semasa yang aktif dengan Bank sebagai pemegang akaun tunggal, atau pemegang akaun utama sekiranya bagi akaun bersama.

Terma dan syarat
Kempen Pemindahan "Wealth" Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 sehingga 31 Mac 2023

- 3.2 Produk Pengurusan "Wealth" yang Layak ("**Produk yang Layak**") di dalam Kempen ini adalah seperti berikut:
- a. Amanah Saham kecuali Dana "closed ended", Dana Wang Pasaran dan Amanah Saham tanpa cas jualan

4 Mekanik Kempen

4.1 Butiran Kempen adalah seperti yang ditetapkan di bawah:

- a. Terbuka kepada semua pelanggan AmSPB untuk Pemindahan Amanah Saham ("**Pemindahan Amanah Saham**") yang dipindah masuk hanya dari bank lain ke Bank dalam Tempoh Kempen.
- b. Pemindahan Masuk merujuk kepada pemindahan Produk yang Layak oleh Pelanggan yang Layak dari mana-mana bank ke Bank atau menebus dan melanggan Pelaburan yang Layak tanpa cas jualan oleh Pelanggan yang Layak dari mana-mana bank ke Bank.
- c. Pelanggan yang Layak adalah dikehendaki untuk mengekalkan jumlah minima Pemindahan Amanah Saham di bawah Kempen sekurang-kurangnya Tiga (3) bulan dari bulan pemindahan.

Contoh:

Pelanggan	Bulan Pemindahan Amanah Saham	Tempoh Kekal Amanah Saham	Bulan Pemenuhan Ganjaran Tunai
A	5 Oktober 2022	Until 31 Januari 2023	Empat Puluh Lima (45) hari bekerja dari 1 Februari 2023
B	31 Disember 2022	Until 31 Mac 2023	Empat Puluh Lima (45) hari bekerja dari 1 April 2023
C	2 Februari 2023	Until 31 Mei 2023	Empat Puluh Lima (45) hari bekerja dari 1 Jun 2023

- d. Bagi Bank menghitung nilai ganjaran (sila rujuk Klausa 4.1e), Bank akan mempertimbangkan Nilai **Pemindahan Baru Bersih dan jumlah penebusan**, termasuk pemindahan keluar dan Cooling Off semasa Tempoh Kempen.
- e. Pelanggan yang Layak yang memenuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam Kempen ini akan menikmati ganjaran seperti berikut.

Tahap	Nilai Pemindahan Baru Bersih (min RM jualan)	Ganjaran Tunai (RM)
1	1,000,000 ke atas	10,000
2	600,000 - 999,999	7,000
3	400,000 - 599,999	3,000
4	200,000 - 399,999	1,000

Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan/Semasa Pelanggan yang Layak yang aktif dengan Bank secara langsung tertakluk kepada syarat-syarat dalam Kempen ini dalam masa Empat Puluh Lima (45) hari bekerja tertakluk kepada Tiga (3) bulan tempoh kekal dari bulan pemindahan.

- 4.2 Untuk melayakkan diri bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan maklumat yang diperlukan kepada Bank dalam Tempoh Kempen dengan melengkapkan Borang Penebusan AmSPB Pemindahan "Wealth" ("**Borang Pengisian Kempen**") yang boleh didapati:
- a. di mana-mana cawangan Bank; dan/atau
 - b. mana-mana Pengurus Perhubungan Bank

Terma dan syarat
Kempen Pemindahan "Wealth" Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 sehingga 31 Mac 2023

- 4.2 Bagi kelayakan untuk hadiah ganjaran 4.1e di atas, Pelanggan yang Layak adalah dibolehkan untuk mengabungkan jumlah amaun Pemindahan Amanah Saham dalam Produk yang Layak semasa Tempoh Kempen bagi menentukan tahap Ganjaran Tunai Tahap dari tarikh tandatangan di Borang Pengisian Kempen dan sekiranya syarat yang ditetapkan di atas dipenuhi. Sebarang Pemindahan Amanah Saham tambahan selepas penghantaran Borang Pengisian Kempen akan dianggap tidak layak untuk menyertai dan tidak boleh digabungkan dengan Pemindahan Amanah Saham yang sebelumnya.

5 Ganjaran Tunai

- 5.1 Bank berhak untuk menukar atau menukar ke dalam bentuk ganjaran dalam jumlah yang setara, dan Pelanggan yang Layak akan diberitahu melalui komunikasi yang disediakan dalam Kempen ini.
- 5.2 Nilai Ganjaran Tunai Pelanggan yang Layak akan dikira berdasarkan Nilai Transfer Baru Bersih dan berhak mendapat Ganjaran Tunai seperti yang diperuntukkan dalam jadual di atas.

Senario # 1:

Encik Tan memindah masuk sejumlah ABP Amanah Saham bernilai RM600,000 pada 2 Oktober 2022. Dia tidak memindahkan atau menebus pelaburan sepanjang Tempoh Kempen. Pada akhir Tempoh Kempen, Bank akan berdasarkan Nilai Transfer Baru Bersih untuk memberi ganjaran kepada Encik Tan berdasarkan jadual yang disediakan di bawah Klausa #4.1e.

Jumlah Amanah Saham yang dipindah masuk oleh Encik Tan berada di bawah Tahap 2 (di bawah Klausa #4.1e). Berdasarkan tahap ganjaran, Mr Tan akan menerima Ganjaran Tunai sebanyak RM7,000, dikreditkan ke dalam akaunnya dalam masa Empat Puluh Lima (45) minggu dari 1 Februari 2023.

Senario # 2:

Encik Dhanabalan telah memindah masuk sejumlah ABP Amanah Saham bernilai RM4,000,000 bernilai pada 1 Jan 2023. Dalam Tempoh Kempen, Encik Dhanabalan mempunyai jumlah penebusan sebanyak RM2,000,000 (pemindahan keluar dan penebusan). Oleh itu, mengikut kriteria Kempen, Nilai Pemindahan Baru Bersihnya adalah RM2,000,000 dan berada di bawah Tahap 1 (di bawah Klausa #4.1e). Oleh itu, dia berhak mendapat Ganjaran Tunai sebanyak RM10,000, dikreditkan ke dalam akaunnya dalam masa Empat Puluh Lima (45) minggu dari 1 Februari 2023.

- 5.3 Pelanggan yang Layak mesti melengkapkan Borang Pengisian Kempen dan memberikan nombor Akaun Simpanan/Semasa yang aktif dengan Bank untuk mengkreditkan Ganjaran Tunai. Akaun Simpanan/Semasa yang disediakan mestilah di bawah nama Pelanggan yang Layak sebagai pemegang akaun tunggal, atau jika itu adalah akaun bersama, Pelanggan yang Layak mestilah pemegang akaun utama.
- 5.4 Jumlah Ganjaran Tunai bagi Kempen ini adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sembilan Ribu (39,000) sahaja berdasarkan **Siapa Cepat Dia Dapat**.
- 5.5 Borang Penebusan AmSPB Pemindahan "Wealth" (Okt 22 – Mac 23) yang diisi dengan lengkap haruslah diterima oleh Bank semasa Tempoh Kempen.
- 5.6 Bagi Pelanggan yang Layak yang membuat penebusan dan melanggan pelaburan Amanah Saham dengan Bank (tanpa caj jualan pendahuluan) akan dikehendaki untuk memberikan penyata rasmi atau resit transaksi dengan penebusan nilai Amanah Saham dari bank lain bersama dengan Borang Penebusan AmSPB Pemindahan "Wealth" (Okt 22 – Mac 23) yang lengkap. Bank berhak untuk menentukan penerimaan penyata atau resit transaksi yang diberikan dan keputusan Bank adalah muktamad.

Terma dan syarat
Kempen Pemindahan "Wealth" Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 sehingga 31 Mac 2023

6 Kelayakan Dibatalkan

Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak dari AmSPB daripada menyertai Kempen sekiranya mendapati atau menentukan bahawa:

- a. Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau salah dengan cara apa pun semasa proses kemasukan atau sepanjang Tempoh Kempen; atau
- b. Pelanggan yang Layak telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat di dalam ini; atau
- c. Semua kakitangan jualan yang tag di bawah Segmen Pengguna dan Analysis Runcit adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

7 Umum

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini dan Terma dan Syarat Umum, keputusan Bank dan sebarang penambahan, perubahan atau pindaan yang buat dari semasa ke semasa.

Pelanggan yang Layak diminta untuk log masuk ke laman sesawang rasmi Bank di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini, sekiranya ada.

- a. Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- b. Bank berhak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- c. Bank tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan oleh mana-mana Pelanggan yang Layak untuk menyertai Kempen ini pada bila-bila masa kerana terdapat sebarang kesalahan, gangguan dan / atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
- d. Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan oleh Bank Kempen ini tidak akan memberi Pelanggan yang Layak untuk tuntutan atau pampasan terhadap Bank atas sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan kecuali jika kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan oleh kesalahan penipuan atau kecuai Bank.
- e. Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui www.ambank.com.my atau dipaparkan di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- f. Kecuali dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- g. Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.

Terma dan syarat
Kempen Pemindahan "Wealth" Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE
Tempoh Kempen: 1 Oktober 2022 sehingga 31 Mac 2023

- h. Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pealanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa "Force Majeure". "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan / atau keadaan yang tidak terduga yang tidak berada dalam kendali Bank yang wajar, yang tidak dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank termasuklah bencana alam seperti banjir, taufan, rebut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penyekatan, tindakan industri, rusuhan, perang, wabak yang masing-masing berada di luar kawalan Bank atau peristiwa lain, keadan yang serupa yang boleh dikelaskan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- i. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.
- j. Amanah Saham adalah tidak dilindungi oleh PIDM. Pelaburan di dalam Amanah Saham/Amanah Saham Patuh Syariah adalah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk potensi kerugian dari amaun pelaburan asal. Pelanggan yang Layak dinasihati untuk membaca dan memahami Prospectus/Memorandum Informasi sebelum melabur.
- k. Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.
- l. Terma dan syarat versi Bahasa Malaysia juga disediakan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik dalam tafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini hendaklah dianggap sebagai setara, dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan adalah membawa maksud yang sama.
- m. Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- n. Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank SIGNATURE Prioriti Banking di 603-2178 6600 atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke customercare@ambankgroup.com .

Diakui oleh:

Tandatangan Pelanggan : _____
Nama Pelanggan : _____
Tarikh : _____